

Mohd Said kena hadap

Whip bincang kes YB Jasin

BH - 12/05/06

Oleh Khirul Bahri Basaruddin,
Abdul Razak Raaff,
Mohd Zin Ali, Johan Afandi
dan Srihanasham Nordin

JOHOR BAHRU: Ahli Parlimen Jasin, Datuk Mohd Said Yusof akan dihadapkan ke satu mesyuarat bagi membincangkan tindakannya yang meminta Kastam Diraja Malaysia (KDRM) 'menutup sebelah mata' berhubung kes import kayu tidak memenuhi spesifikasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak bersetuju Mohd Yusof dihadapkan ke mesyuarat berkenaan yang akan diadakan tidak lama lagi.

Beliau berkata, mesyuarat yang akan dihadiri Najib selaku Ketua Whip, Penolong Whip dan beliau sendiri selaku Ketua Parlimen akan menyoal serta mendengar penjelasan Ahli Parlimen berkenaan.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan teater muzikal *Balada Sang Adiputera* di Stadium Tertutup MBBJ, sempena Sambutan Ulang Tahun ke-60 Umno di sini, petang semalam.

Abdullah diminta mengulas mengenai pengakuan Mohd Yusof bahawa beliau adalah pemilik Binyu Sof Enterprise, ejen perkapalan dan penghantaran import kayu bergaji dari Indonesia yang dirampas KDRM, baru-baru ini.

Mohd Yusof yang ditemui pemberita di lobi Parlimen, kelmarin bagaimanapun mendakwa kayu yang diimport itu bukan milik Binyu Sof Enterprise kerana syarikatnya hanya menjadi ejen bagi urusan berkenaan.

Mengenai desakan pihak tertentu supaya Perdana Menteri mengambil tindakan tegas terhadap Mohd Yusof, Abdullah berkata, pihaknya tidak mahu terburu-buru dan perlu memastikan kejadian sebenar terlebih dulu.

"Kita perlu pastikan apa yang sebenarnya berlaku... dia sendiri sudah menyatakan rela untuk disiasat. Kita bukan ambil tindakan begitu saja kerana kita ada proses undang-undang yang perlu diikuti.

"Kalau ada sebab nanti... sebab-sebab yang boleh untuk dikenakan tindakan apa juga, maka kita akan ambil tindakan sewajar terhadapnya," katanya.



Sultan mahu Melayu bersatu

Sultan Johor, Sultan Iskandar berkata sesuatu kepada Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada majlis Sambutan Ulang Tahun Umno ke-60 di Istana Besar, Johor Bahru, semalam. Pada majlis itu Sultan Johor mahu orang Melayu terus bersatu padu dan bermuafakat dalam Umno. Sultan Johor juga menandatangani plak perisytiharan Sambutan Umno ke 60, sama seperti yang dilakukan Almarhum Sultan Ismail

KHIRUL BAHRI BASARUDDIN/BERITA HARIAN